glosari

Glosari

Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) Akta yang mentadbir perlesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan urus niaga perbankan, syarikat kewangan, perbankan saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, serta untuk mengawal selia institusi-institusi yang menjalankan urus niaga kewangan lain yang ditafsirkan sebagai tertakluk kepada peruntukan Akta tersebut.

Akta Bank Islam 1983 Akta yang memperuntukkan perlesenan dan pengawalseliaan perniagaan perbankan Islam.

Bahagian Perbankan Islam (BPI) Jabatan dalam institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam, yang bertanggungjawab ke atas semua aspek operasi perbankan Islam.

Bank-bank Asing Institusi-institusi perbankan yang dimiliki secara keseluruhan oleh entiti-entiti asing dan yang telah diperbadankan sebagai anak syarikat tempatan di Malaysia sejak 1 Oktober 1994.

Bank-bank Pelaburan Institusi-institusi perbankan yang menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan borong perbankan yang merangkumi pemberian pinjaman korporat, kewangan korporat, perkhidmatan berkenaan penggabungan dan pemerolehan, perkhidmatan penstrukturan, pemasaran, perdagangan dan pembrokeran ke atas produk-produk pasaran modal (meliputi produk-produk pendapatan tetap, ekuiti dan berkaitan dengan ekuiti, produk-produk komoditi dan berkaitan dengan komoditi), pengurusan aset dan perkhidmatan nasihat dan penyelidikan yang lain.

Bank-bank Perdagangan Institusi-institusi perbankan yang menyediakan perkhidmatan perbankan runcit, kemudahan pembiayaan dagangan, perkhidmatan perbendaharaan, perkhidmatan pembayaran dan perkhidmatan kustodi. ABIK menyatakan bahawa urus niaga bank-bank perdagangan merangkumi menerima deposit bagi akaun-akaun semasa, akaun-akaun deposit, akaun-akaun tabungan atau akaun-akaun lain yang serupa dan membayar atau mengumpul cek-cek yang dikeluar atau dibawa masuk oleh para pelanggan, serta memberi perkhidmatan pemberian pinjaman dan perniagaan sepertimana yang ditetapkan oleh BNM dengan kelulusan daripada Menteri.

Bank-bank Saudagar Institusi-institusi perbankan yang mengendalikan urus niaga menerima deposit korporat, menyediakan kewangan, menyediakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan perkara-perkara korporat dan pelaburan, membuat atau mengurus pelaburan bagi pihak seseorang dan perniagaan lain sepertimana yang ditetapkan oleh BNM dengan kelulusan daripada Menteri. Bank-bank saudagar seharusnya menjalankan operasi berhubung perniagaan perbankan borong.

Bank-bank SPI Institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam.

Bankasurans Pemasaran produk-produk insurans melalui saluran-saluran pengagihan bank atau gabungan produk-produk perbankan dengan produk-produk insurans.

Biro Pengantaraan Perbankan (BMB) Sebuah biro yang memainkan peranan sebagai pihak tengah di antara para pelanggan institusi-institusi kewangan dengan institusi-institusi kewangan dan menyediakan rangkaian komunikasi bagi menyelesaikan isu-isu yang diketengahkan oleh kedua-dua pihak.

'Business Angels' Pelabur usaha niaga persendirian tidak rasmi yang menyediakan modal dan kemahiran di dalam usaha niaga baru berisiko tinggi dan di peringkat permulaan.

Cagamas Berhad Cagamas Berhad ialah syarikat gadai janji nasional yang ditubuhkan pada tahun 1986, berperanan untuk mengorak langkah pertama dalam mendorong pembangunan pengsekuritian aset dan sekuriti hutang swasta di dalam pasaran Malaysia.

CAMEL BNM menggunakan sistem penarafan CAMEL (kecukupan modal, kualiti aset, kecekapan pengurusan, prestasi pendapatan dan kedudukan mudah tunai) bagi semua institusi-institusi perbankan bagi menilai kekukuhan, keselamatan dan keutuhan keseluruhan setiap institusi perbankan. Ia juga akan membantu dalam mengenal pasti institusi-institusi perbankan yang lemah, yang memerlukan perhatian penyeliaan yang lebih rapi daripada BNM.

Dana Insurans Deposit Sebuah dana yang diwujudkan, menerusi sumbangan premium daripada institusi-institusi pengambilan deposit di Malaysia dan merupakan sebuah bentuk perlindungan untuk para pendeposit sekiranya berlaku kegagalan kewangan di dalam institusi-institusi perbankan atau tabungan.

Institusi-institusi Berlesen Sebarang institusi yang dilesenkan dan dikawalselia di bawah ABIK oleh BNM. Institusi-institusi ini termasuk bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat diskaun, bank-bank saudagar dan broker-broker wang.

Institusi-institusi Perbankan Bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar.

Institusi-institusi Sampingan Institusi-institusi yang menyediakan perkhidmatan kewangan sampingan. Ini merangkumi institusi-institusi tabungan, syarikat-syarikat pemajakan, syarikat-syarikat pemfaktoran dan syarikat-syarikat tanda kredit.

Insurans Am Satu kontrak yang menurutnya penanggung insurans berjanji untuk membayar ganti rugi kepada orang yang diinsuranskan bagi kerugian akibat berlakunya malapetaka yang diinsuranskan seperti kemalangan, keuzuran, kebakaran, banjir, liabiliti dan rompakan.

Insurans Hayat Satu kontrak yang menurutnya penanggung insurans berjanji untuk membayar sejumlah wang tertentu kepada pewaris di bawah kontrak atas kematian atau kehidupan orang yang diinsuranskan, dan termasuk peluasan perlindungan bagi kemalangan diri, penyakit atau keuzuran.

Insurans Kaptif Sewaan Syarikat insurans kaptif dibenarkan oleh LOFSA memberi perlindungan insurans atau insurans semula kepada mana-mana pihak.

Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)* Institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memberikan bantuan kewangan kepada sektor-sektor keutamaan tertentu ekonomi. IKP banyak dibiayai oleh Kerajaan.

Insurans Semula Pemindahan kesemua atau sebahagian daripada risiko insurans yang telah diterima oleh sebuah penanggung insurans kepada penanggung insurans yang lain sebagai balasan terhadap bayaran premium.

* Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn Bhd, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn Bhd, Credit Guarantee Corporation, Sabah Credit Corporation, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

Interbank GIRO (IBG) Sistem IBG ini dibentuk bagi memudahkan pembayaran elektronik antara bank untuk urus niaga pihak ketiga yang melibatkan jumlah pembayaran kurang daripada RM50,000 yang tidak diterima oleh sistem Masa Benar Pemindahan Elektronik Dana dan Sekuriti (sebuah sistem masa benar penjelasan kasar).

Kajian Usaha Wajar Siasatan yang dibuat biasanya oleh pihak ketiga bagi tujuan pendedahan semua penyata, maklumat dan dokumen dengan tepat, mencukupi dan benar.

Kesolvenan Lebihan aset ke atas liabiliti.

Komisen Bayaran yang dibuat oleh penanggung insurans kepada ejen, selalunya dinyatakan sebagai peratusan kepada premium.

Mekanisme 'Keluar' Proses di mana pelabur usaha niaga melupuskan pelaburan mereka dengan menjual balik saham kepada pihak pengurusan, penjualan saham kepada pihak ketiga dalam urus niaga persendirian atau melupuskan pelaburan dalam pasaran saham awam melalui terbitan awam permulaan.

Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) MEPS ialah sebuah konsortium pembayaran yang dimiliki oleh institusi-institusi perbankan domestik yang ditubuhkan untuk menyatukan dan menjalankan operasi pertukaran, penjelasan dan penyelesaian bagi rangkaian ATM.

Modal Benih Modal permulaan yang perlu untuk membiayai penyelidikan dan pembangunan konsep awal atau prototaip. Ini adalah sebelum sesebuah perniagaan mencapai tahap permulaan.

Modal Usaha Niaga Pelaburan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang semakin berkembang, tidak disenaraikan dan lebih berorientasikan risiko. Bidang pelaburan meliputi syarikat-syarikat pada semua peringkat matang, dengan pelabur-pelabur menyediakan perkhidmatan tambah nilai seperti pengurusan kemahiran dan rangkaian kepada syarikat.

Mudharabah Perjanjian pembiayaan di antara pemodal (bank) dan pengusaha (pelanggan) di mana pengusaha menjalankan aktiviti perniagaan atas dasar pembahagian untung, berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui sebelumnya. Jika berlaku kerugian di luar kawalan pengusaha, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal.

Musyarakah Usaha sama di antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan perniagaan tertentu yang bermotifkan keuntungan. Keuntungan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat berdasarkan bahagian ekuiti yang dimiliki.

Nisbah Bendungan Nisbah premium bersih kepada premium langsung kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia, menunjukkan bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) Nisbah ini merupakan penunjuk utama kecukupan modal institusi-institusi perbankan. RWCR adalah satu rangka kerja yang ditetapkan oleh Bank for International Settlements (BIS) yang mengira jumlah modal yang diperlukan berdasarkan jumlah aset berwajaran risiko.

Nisbah Perdagangan Nisbah pendapatan premium bersih kepada kumpulan wang pemegang syer.

Pelindung Cukai Wilayah yang tidak mengenakan apa-apa cukai ke atas syarikat perniagaan.

Pembiayaan Modal Benih Peringkat di mana pinjaman diberi untuk penyelidikan dan pembangunan konsep awal atau prototaip, sebelum perniagaan tersebut mencapai peringkat permulaan.

Penasihat Kewangan Bebas (IFA) Individu atau firma yang menyediakan khidmat nasihat berhubung produk-produk kewangan. Tidak seperti ejen yang terikat kepada prinsipal, IFA tidak terikat dengan produk-produk sesuatu institusi kewangan dan dengan itu boleh memasarkan produk-produk daripada pelbagai institusi kewangan yang bersaing.

Pengendali Takaful Syarikat yang mengendalikan perniagaan takaful.

Pengawalseliaan Antipakat Perundangan bagi mengawal aktiviti-aktitviti monopoli dan aktiviti-aktiviti pakatan oleh institusi-institusi perbankan yang tidak menggalakkan persaingan.

Penggunaan Khidmat Pihak Ketiga Amalan menggunakan khidmat pihak ketiga secara kontrak bagi fungsi atau pentadbiran tertentu.

Peraturan 'Layak dan Sesuai' Kriteria minimum yang ditetapkan di bawah Akta Insurans 1996 bagi menentukan samada seseorang itu adalah layak dan sesuai bagi memegang jawatan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus bagi penanggung insurans, broker dan ajuster berlesen.

Perbankan Internet Penawaran produk dan perkhidmatan perbankan menerusi internet oleh institusi-institusi perbankan dengan menggunakan alat akses termasuk komputer peribadi, dan alatan pintar yang lain.

Perbankan Maya Penawaran produk dan perkhidmatan perbankan menerusi internet, telefon dan bentuk-bentuk saluran elektronik yang lain di mana tiada hubungan fizikal di antara pelanggan dan institusi-institusi perbankan.

Perikatan Strategik Usahasama di antara dua atau lebih institusi-institusi kewangan di dalam bidang-bidang yang memberikan faedah dan yang menawarkan kelebihan daya saing kepada pihak-pihak yang terlibat.

Perniagaan Insurans Kaptif Perniagaan insurans di mana pihak yang diinsuranskan ialah syarikat berkaitan atau perbadanan bersekutu dengan syarikat insurans.

Peruntukan bagi Tuntutan Belum Dibayar Amaun yang diperuntukkan bagi tuntutan belum dibayar, termasuk kerugian tertanggung tetapi tak dilaporkan.

Premium Bayaran dalam bentuk wang yang dibayar sekali atau berkala oleh pemunya polisi kepada penanggung insurans sebagai balasan terhadap perlindungan insurans yang disediakan.

Premium Bersih Premium kasar ditolak semua premium insurans semula yang kena dibayar.

Produk-produk Khidmat Kewangan Peribadi Produk-produk kewangan yang memenuhi keperluan kewangan individu. Ini termasuklah produk-produk perbankan, insurans dan pelaburan atau gabungan produk-produk tersebut.

Rizab bagi Risiko Belum Tamat Amaun premium bersih yang diperuntukkan oleh penanggung insurans bagi risiko yang belum tamat tempohnya pada akhir tempoh perakaunan.

Rizab Teknikal Terdiri daripada rizab bagi risiko belum tamat dan peruntukan bagi tuntutan belum dibayar.

Sisen Sukarela Satu perjanjian di mana semua penanggung insurans mengsid perniagaan mereka kepada penanggung insurans semula nasional (Malaysian National Reinsurance Berhad) dalam peratusan yang telah ditentukan yang melampaui bendungan bersih masing-masing sehingga had-had yang ditentukan bagi pelbagai kelas perniagaan insurans am.

Skim Perbankan Islam (SPI) Skim yang membenarkan institusi perbankan konvensional menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam melalui prasarana sedia ada.

Syarikat-syarikat Broker Saham Syarikat-syarikat yang menjalankan urus niaga yang kebanyakannya melibatkan saham.

Syarikat-syarikat Diskaun Institusi-institusi bukan perbankan yang mengendalikan perniagaan menerima deposit dan dana jangka pendek dan melabur dana tersebut dengan berdagang di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil-bil Perbendaharaan atau pelaburan-pelaburan lain sepertimana yang ditetapkan oleh BNM.

Syarikat Jaminan Kredit (CGC) CGC ditubuhkan pada 1972 bagi membantu perusahaan-perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SMEs), terutama sekali perusahaan-perusahaan yang memiliki cagaran yang tidak mencukupi atau yang tidak langsung mempunyai cagaran atau rekod pencapaian untuk memperoleh akses kepada kredit dan bagi melengkapkan usaha-usaha Kerajaan dalam mempromosikan dan membentuk perniagaan di dalam sektor-sektor keutamaan. Ini dicapai menerusi penyediaan pelbagai skim-skim jaminan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberi kepada kumpulan sasaran peminjam seperti perusahaan-perusahaan bersaiz kecil dan sederhana.

Syariah Perundangan Islam.

Syarikat Amanah Syarikat yang didaftarkan untuk menjalankan aktiviti ekonomi seperti pemegang amanah, ejen atau pentadbir dan sebagainya.

Syarikat-syarikat Kewangan Institusi-institusi kewangan yang menawarkan akaun-akaun deposit, akaun-akaun tabungan atau akaun-akaun lain yang serupa, serta menyediakan kemudahan kredit dan mengendalikan perniagaan pemajakan, perniagaan sewa beli, termasuk perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan perniagaan memperoleh hak dan kepentingan di dalam urus niaga sewa beli, pemajakan atau urus niaga lain yang serupa, serta perniagaan lain sepertimana yang ditetapkan oleh BNM dengan kelulusan daripada Menteri.

Syarikat-syarikat Usaha Niaga Syarikat permulaan yang meneroka perniagaan teknologi baru berisiko tinggi.

Tadbir Urus Korporat Sistem yang menggariskan bagaimana syarikat harus ditadbir dan dikawal, mengambil kira keperluan semua pihak berkepentingan (hubungan di antara pemegang saham, pengarah dan pihak pengurusan, seperti yang ditakrifkan oleh piagam korporat, undang-undang kecil, dasar formal dan undang-undang).

Takaful Jaminan bersama yang diberi oleh sekumpulan orang terhadap risiko tertentu atau bencana yang menimpa kehidupan seseorang, harta atau apa jua benda yang berharga.

Tanda Aras Piawaian kewangan dan bukan kewangan yang melambangkan amalan terbaik yang digunakan untuk menilai pencapaian institusi-institusi kewangan dan untuk menyediakan asas bagi perbandingan di antara sebuah institusi kewangan dengan sebuah institusi kewangan yang lain.